

**UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK
(UPSA)
2023
(TAHUN 6)**

SEJARAH

1¼ jam

(Set 3)

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat bahagian: Soalan Objektif, Bahagian A , Bahagian B dan Bahagian C .*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan yang disediakan dalam keempat-empat bahagian ini.*
3. *Bagi soalan objektif, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu: A, B, C, D. Pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan petak jawapan kamu pada kertas soalan tersebut.*
4. *Bagi soalan subjektif pula, jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang telah disediakan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian Nombor Soalan		Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	1	5	
	2	5	
	3	5	
	4	5	
C	1	5	
	2	5	
JUMLAH		50	

**UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK
SEJARAH TAHUN 6**

NAMA:..... **KELAS:**.....

**BAHAGIAN A
(20 MARKAH)**

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Mengapakah Singapura dan Sarawak bersetuju dengan idea pembentukan Malaysia?

- A. Singapura dan Sarawak menghadapi ancaman dari Filipina ketika itu.
- B. British mengamalkan pemerintahan yang zalim di Singapura dan Sarawak.
- C. Singapura dan Sarawak tidak mahu terpinggir sekiranya Malaysia dibentuk.
- D. Singapura dan Sarawak sedang menghadapi ancaman komunis pada masa itu.

2.

Nama negeri ini dikenali sebagai Inderapura atau Pura dalam Sulalatus Salatin.


Negeri yang dimaksudkan di atas ialah _____.

- A. Perak
- B. Kedah
- C. Pahang
- D. Kelantan

3. Tujuan utama kepada pengenalan Rukun Negara kepada masyarakat Malaysia ialah untuk _____.

- A. mempertahankan kemerdekaan
- B. menjamin keharmonian negara
- C. melahirkan rakyat malaysia yang berdaya maju
- D. melonjakkan tahap sosioekonomi semua kaum

4.



Alatan muzik di atas ialah _____.

- A. Nafiri
- B. Geduk
- C. Gambus
- D. Angklung

5.

Dalam upacara Ngeduang, keluarga si mati akan akan menjamu makanan kepada para tetamu.

Upacara ini dijalankan oleh masyarakat _____.

- A. Iban
- B. Bajau
- C. Bisaya
- D. Kadazandusun

6.



Indonesia menentang pembentukan Malaysia dengan cara _____.

- A. mengisytiharkan konfrontasi
- B. melancarkan serangan peperangan

- C. mendakwa Sabah milik Indonesia
- D. memboikot barangan dari Persekutuan Tanah Melayu

7.



Apakah tajuk Lagu Negeri bagi negeri yang mewakili jata di atas?

- A. Selamat Sultan
 - B. Lagu Bangsa Johor
 - C. Maju dan Sejahtera
 - D. Allah selamatkan Sultan Kami
8. Prinsip Rukun Negara yang keempat iaitu Kedaulatan Undang-undang, penting bagi negara kita untuk _____.
- A. membentuk jati diri rakyat
 - B. mewujudkan keamanan negara
 - C. mewujudkan rasa toleransi dalam diri rakyat
 - D. menunjukkan rasa hormat kepada kepelbagaian kaum dan bangsa
9. Berikut ialah permainan yang bersifat permainan laman **kecuali** _____.
- A. Kabaddi
 - B. Chap Teh
 - C. Yoyo Cina
 - D. Sepak Raga
10. Masyarakat _____ mempercayai semangat padi dengan menjalankan upacara Magavau.
- A. Iban
 - B. Tamarok
 - C. Mag'ombo
 - D. Kadazandusun

- Badan ini ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)
- Tujuannya ialah untuk mengesahkan persetujuan penduduk Sabah dan Sarawak berkenaan penubuhan Malaysia.

11. Apakah nama badan di atas?

- A. Suruhanjaya Cobbold
- B. Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C. United Nations Malaysia Mission
- D. Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia

12. Pilih pasangan yang **salah**.

	Negeri	Gelaran ketua negeri
A.	Johor	Sultan
B.	Melaka	Yang di-Pertuan Negeri
C.	Perlis	Sultan
D.	Negeri Sembilan	Yang di-Pertuan Besar

13.

Amalan nilai murni daripada prinsip Rukun Negara ini melambangkan keperibadian rakyat Malaysia.

Maklumat di atas adalah berkaitan dengan Prinsip Rukun Negara _____.

- A. Kepercayaan kepada Tuhan
- B. Kedaulatan Undang-undang
- C. Keluhuran Perlembagaan
- D. Kesopanan dan Kesusilaan

14.



Lagenda Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang ialah cerita rakyat yang terkenal bagi negeri _____.

- A. Johor
- B. Sabah
- C. Sarawak
- D. Kelantan

Terdapat masyarakat Malaysia yang mengamalkan kepercayaan yang dipengaruhi oleh alam semesta.

15. Kepercayaan ini dikenali sebagai _____.

- A. Petara
- B. Tamarok
- C. Animisme
- D. Ngeduang

16. Berikut ialah cabaran yang dihadapi dalam pembentukan Malaysia **kecuali** _____.

- A. tentangan dari negara Filipina
- B. tentangan dari negara Indonesia
- C. tentangan dari People's Action Party (PAP)
- D. tentangan dari Sarawak United People's Party (SUPP)

17. Antara berikut, yang manakah asal-usul nama negeri Kedah?

- I Perkataan Arab yang bermaksud “cawan” atau “gelas berkaki”
- II Perkataan yang bermaksud “perangkap gajah”
- III Perkataan Arab yang bermaksud “perhimpunan”
- IV Gabungan daripada sembilan buah luak

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

18. Apakah kesan daripada pengasingan tempat tinggal kepada masyarakat?

- A. Peluang berinteraksi yang terhad
- B. Wujudnya peningkatan gejala sosial
- C. Wujudnya ketidakseimbangan bilangan kaum
- D. Berlakunya jurang ekonomi yang ketara antara kaum yang kaya dan miskin

19. Berikut ialah alat muzik yang dimainkan oleh masyarakat Sarawak kecuali _____.

- A. sape
- B. gendang
- C. sompoton
- D. engkerurai

20.

- Rumah ibadat ini dibina pada tahun 1893
- Merupakan gereja tertua di negeri Sabah
- Gereja granit tertua di Malaysia

Rumah ibadat di atas ialah _____.

- A. Gereja St. Andrew's
- B. Gereja St. Michael
- C. Gereja St. Mary's
- D. Gereja St. John

Bahagian B
[20 markah]

Soalan 1

5 Markah

Tuliskan nama tarian tradisional di bawah dengan betul.

Singa

Zapin

Ngajat

Makyung


Sumazau




a. Tarian _____



b. Tarian _____



c. Tarian _____



d. Tarian _____




e. Tarian _____

Soalan 2

5 Markah


Padankan nama negeri – negeri di Malaysia dimana asal-usul nama-nama negeri mempunyai kaitan dengan gambar-gambar berikut.

(a)




Sabah

(b)



Perak

(c)




Terengganu

(d)



Johor

(e)



Perlis

1
1 .



Soalan 3

5 Markah

Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada setiap pernyataan berikut.

(a) Majlis menandatangani Perjanjian Malaysia dijalankan di Malbrough House, London pada 9 Julai 1963.

(b) Arau ialah bandar diraja Kedah.

(c) Berikutan peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, pentadbiran negara dijalankan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

(d) Kaum wanita Chetti memakai Salwar Kameez yang dipakai bersama dupatta atau selendang.

(e) Tau Te Ching merupakan buku yang mengandungi ajaran Konfusius.

Soalan 4

5 Markah

Gariskan jawapan yang betul bagi setiap soalan.

- (a) Ajaran agama (Buddha, Hindu, Tao, Sikh) mempercayai Hukum Karma dimana ia berkaitan dengan pelakuan manusia semasa hidup dan kelahiran semula selepas mati.
- (b) Guru Nanak mengasaskan agama (Konfusius, Sikh, Tao, Buddha).
- (c) Teras kepercayaan dalam agama (Tao, Buddha, Islam, Hindu) ialah Rukun Islam dan Rukun Iman.
- (d) Hari Ahad ialah hari yang dikhususkan untuk melakukan aktiviti keagamaan oleh penganut agama (Konfusius, Sikh, Kristian, Hindu).
- (e) Penganut agama (Hindu, Budhha, Tao, Konfusius) mempercayai ajarannya menekankan prinsip moral yang tinggi seperti perikemanusiaan dan ketaatan kepada ibu bapa.

Bahagian C
[10 *markah*]

Soalan 1

5 Markah

(a) Nyatakan dua jenis permainan tradisional masyarakat Malaysia yang kamu tahu.

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(b) Nyatakan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memastikan permainan tradisional masyarakat Malaysia dikenali oleh generasi muda pada masa hadapan.

[3 *markah*]

Soalan 2

5 Markah

- (a) Nyatakan dua nilai patriotisme para pemimpin yang menyumbang kearah pembentukan Malaysia.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- (b) Nyatakan cara-cara bagaimana rakyat Malaysia boleh menghargai jasa para pemimpin ini.

[3 markah]

JAWAPAN

Bahagian A (20 Markah)

- | | | |
|-----|---|--------|
| 1. | D | Unit 1 |
| 2. | C | Unit 2 |
| 3. | B | Unit 3 |
| 4. | D | Unit 4 |
| 5. | B | Unit 5 |
| 6. | A | Unit 1 |
| 7. | B | Unit 2 |
| 8. | B | Unit 3 |
| 9. | C | Unit 4 |
| 10. | D | Unit 5 |
| 11. | C | Unit 1 |
| 12. | C | Unit 2 |
| 13. | D | Unit 3 |
| 14. | C | Unit 4 |
| 15. | C | Unit 5 |
| 16. | C | Unit 1 |
| 17. | A | Unit 2 |
| 18. | A | Unit 3 |
| 19. | C | Unit 4 |
| 20. | B | Unit 5 |

Bahagian B
(20 Markah)

Soalan 1 (Unit 4)

Nama Tarian

- (a) Makyung
- (b) Ngajat
- (c) Singa
- (d) Sumazau
- (e) Zapin

[5 markah]

Soalan 2 (Unit 2)

Negeri

- (a) Johor
- (b) Perlis
- (c) Perak
- (d) Sabah
- (e) Terengganu

[5 markah]

Soalan 3 (Unit 1-5)

- (a) BETUL
- (b) SALAH Jawapan betul:
Arau ialah Bandar diraja Perlis.
- (c) BETUL
- (d) SALAH Jawapan betul:
Kaum Sikh memakai Salwar Kameez.
- (e) SALAH Jawapan betul: Tau Te Ching ialah
buku Ajaran Tao.

[5 markah]

Soalan 4 (Unit 5)

- (a) Hindu
- (b) Sikh
- (c) Islam
- (d) Kristian
- (e) Konfusius

$$\frac{1}{8} \cdot$$

[5 *markah*]

Bahagian C (10 Markah)

Soalan 1 (Unit 4)

(5 markah)

(a) Nyatakan dua jenis permainan tradisional masyarakat Malaysia yang kamu tahu.

(i) Congkak

(ii) Batu seremban

** Nama permainan tradisional lain diterima.*

[2 markah]

(b) Nyatakan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memastikan permainan tradisional masyarakat Malaysia dikenali oleh generasi muda pada masa hadapan.

Antara langkah-langkah yang perlu dilakukan ialah dengan mendigitalisasi permainan tradisional seiring dengan keperluan generasi zaman digital ini. Selain itu, pihak kerajaan juga boleh menggunakan media sosial bagi mempromosi pertandingan permainan tradisional untuk menarik minat generasi muda. Hal ini kerana generasi muda sekarang ini banyak menggunakan platform media sosial sebagai wadah komunikasi harian. Seterusnya, Kementerian Belia dan Sukan perlulah memperbanyakkan klinik, bengkel dan pertandingan permainan tradisional dan memberikan insentif yang menarik untuk setiap inisiatif dan pertandingan yang dijalankan.

Nota:

[3 markah]

** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.*

** Tulis 3 isi penting (jawapan) dalam satu perenggan*

** Jangan tulis dalam bentuk "points"*

Soalan 2 (Unit 1)

(5 markah)

- (a) Nyatakan dua nilai patriotisme para pemimpin yang menyumbang kearah pembentukan Malaysia.

- (i) Berani
- (ii) Bijaksana

** Nilai patriotisme lain yang bersesuaian diterima.*

[2 markah]

- (b) Nyatakan cara-cara bagaimana rakyat Malaysia boleh menghargai jasa para pemimpin ini.

Antara cara yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa para pemimpin ini ialah dengan menggunakan nama-nama para pemimpin sebagai nama jalan raya, bangunan atau yayasan kebajikan. Selain itu, kita juga boleh menziarahi pusara para pemimpin yang sudah meninggalkan kita sebagai tanda hormat kita terhadap mereka. Seterusnya, kita juga perlulah mempertahankan keharmonian dan keamanan negara tercinta sebagai tanda berterima kasih kepada pemimpin yang berjuang demi mewujudkan negara Malaysia.

Nota:

[3 markah]

- *Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.*
- *Tulis 3 isi penting (jawapan) dalam satu perenggan*
- *Jangan tulis dalam bentuk "points"*